Yang ketiga, walau pun industry atau pun perusahaan saya belum tempohkau lagi, tetapi mengenakan income tax atas keuntungan daripada kayu ini terkadang² boleh membawa kepada perusahaan itu sendiri tidak berjalan, oleh kerana income tax itu mahal atau pun berat hendak di-bayar, tetapi usaha²-nya tidak dapat di-lakukan. Maka mahu ta' mahu, orang² yang bekerja berkenaan dengan kayu ini akan eksepot ka-luar kayu mentah begitu sahaja dan dengan demikian kita tidak dapat untong, melainkan untong harga kayu itu sahaja, sedang kalau kita mengadakan perusahaan di-negeri ini, sa-lain daripada keuntungan itu dapat dan chukai pun tentu kita dapat lebeh banyak, employment, kerja² pun kita boleh beri kepada ra'ayat kita.

Yang keempat dan yang akhir sekali perkara kayu, Tuan Yang di-Pertua, bukan perkara kechil. Bagi kita di-Malaysia ini kita rasa perkara ini kechil, sebab negeri kita kaya dengan kayu, tetapi yang sa-benar-nya kayu tidak banyak sebab itu kita dapati kayu mahal di-negeri² yang lain.

Saya menchadangkan supaya Kerajaan mengadakan factory untuk memproseskan kayu² ini, membuat furniture atau perabut² dan di-adakan taraf perintis. Kalau sa-kira-nya kita dapati di-Pantai Barat tidak ada tempat kita buat di-Pantai Timor dan kalau tidak chukup di-Pantai Timor kita buat di-Malaysia Timor ia-itu di-Sabah dan di-Sarawak. Banyak-lah usaha² yang boleh di-buat yang boleh menambahkan income bagi ra'ayat, bukan hanya satakut membuat undang² income tax untuk Kerajaan hendak mengambil-nya. Jadi nampak-nya tiap² kali bila kita ada pindaan Income Tax Act ini saya dapati Yang Berhormat Menteri kita membuat undang² hendak mengambil income tax, tetapi tidak di-majukar dengan melalui Kementerian yang lain, mithal-nya, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan-kah, tidak di-kemuka-

kan chara² kayu ini boleh di-peroses dan kayu itu boleh menambah income, kalau kerajaan memberi jalan atau pun memberi kemudahan, memberi pimpinan kepada ra'ayat menambah income mereka itu, hasil mereka itu melalui kayu, maka Kerajaan pun boleh mengenakan progressive tax daripada satu masa ka-satu masa. Kalau hanya kita meminta income tax sahaja saya rasa ini akan memberatkan ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkali² menyebutkan dalam Dewan ini saya tidak pernah menentang income tax yang di-pungut oleh Kerajaan. Saya rasa banyak lagi income tax yang patut kita buat di-negeri kita ini. Tetapi yang saya minta di-samping kita mengenakan income tax kita patut pula memberi kepada ra'ayat ini kerja² atau pun chara² jalan hidup yang menambah income mereka itu. Dengan demikian baharu-lah ada balance atau pun keadilan dalam memungut dan memberi jalan kepada ra'ayat hidup.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan yang penoh kepada Bill ini, khas-nya mengenai pindaan terhadap chukai pembangunan bagi ahli² perniagaan yang kechil. Sa-bagaimana yang lalu kita dapati beberapa sungutan² daripada ahli² peniaga yang kechil yang bermodal kechil yang mana mereka ini mendapat kesusahan untuk hendak membuat kira² atau hendak membentangkan kira² dan lain² dan dikenakan chukai sama ada mereka itu mendapat untong atau tidak. Dengan terlaksana-nya undang² pindaan ini, maka akan memberi satu kemudahan yang istimewa kepada ahli² peniaga yang kechil. Dan saya perchaya tiap² ahli peniaga yang kechil akan menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah pun mengadakan satu perasaan timbang rasa terhadap ahli² peniaga yang kechil ini dan saya berharap supaya Bill ini di-laksanakan dan boleh mendatangkan kepuasan hati kepada semua ahli² peniaga yang kechil dan saya memberi sokongan yang penoh kepada Bill ini.

Tun Tan Siew Sin (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I would like to thank the last Honourable Member who spoke for supporting this Bill.

In regard to Honourable Members of the Opposition who have spoken, I must say that I cannot understand their logic, because they seem to be extremely fond of speaking when they are ignorant on a subject, and the greater their ignorance, the more eloquent they wax. For example, the Honourable Member for Batu accused me of imposing a new tax. There is nothing new about this tax. In the first place, I announced it in my Budget speech. In the second place, this tax has been proposed in response to representations from the industry itself, which informed me that they felt that the previous disallowance was not quite fair and they felt that it would be fairer to impose a tax on the profits instead of relating it to the payment of royalty. This Bill is, therefore, the product of my discussions with the industry itself, and the industry was well aware that this Bill would be put forward at this meeting. So, the Honourable Members who accused me of putting on a new tax are entirely wide off the mark, because this tax is merely to replace the former disallowance provision and the yield is expected to be about the same. The logging industry is not being asked to pay additional tax. It will be paying approximately the same amount of tax as it paid last year, except that the means of collecting it is slightly different and, we feel, fairer. I hope the Honourable Member for Bachok understands this Bill better now as a result of my explanation. At least, he took the trouble to wait while the Honourable Member for Batu obviously did not take his own remarks seriously.

Secondly, Sir, we have imposed a cess on the export of logs from West Malaysia, but again Honourable Members of the Opposition are probably not aware that under the terms of the Inter-Governmental Committee Report, we are not allowed to do so in respect of East Malaysia without the concurrence of the State Governments. At the

moment the two State Governments are not keen to impose a cess on log exports. So, there is nothing that we can do about imposing a cess on the export of logs from East Malaysia.

Now, in regard to the proposal that we should take care that our timber reserves are not cut down faster than the ability of the country to replace existing supplies, this is a question which is very much in the mind of the Government, in particular the Ministry of Agriculture. The Ministry of Agriculture has given considerable thought to it and is doing what it can, and was well aware of this problem long before Honourable Members of the Opposition had thought about this matter at all. The same thing applies to reafforestation. The Ministry of Agriculture will do what it can to ensure that timber supplies are replaced so that this industry can go on forever. Thank you.

❧ Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal 4—

Tun Tan Siew Sin: Mr Chairman, Sir, I would like to propose the following amendment to Clause 4 of the Bill as indicated in the amendment slip which has already been circulated to Honourable Members:

Clause 4: In the proviso to the proposed clause 21 (1) add—

(a) the words “for a period of twelve months” after the word “dollars” appearing in line 7; and

(b) the words "for a period of twelve months or where that period is more or less than twelve months, such proportionate deduction" after the word "dollars" appearing in line 10,

in paragraph (a) (iii) (bb).

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Fasal 4 sa-bagai di-pinda, di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE CENTRAL BANK OF MALAYSIA (AMENDMENT) BILL, 1969

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tun Tan Siew Sin (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to amend the Central Bank of Malaysia Ordinance, 1958" be read a second time.

Clauses 2 (b) and 3 of the Bill will empower Bank Negara to take over from the Government the subscriptions which Malaysia has made to the International Monetary Fund under the Bretton Woods Agreements Ordinance, 1957, and to assume responsibility for any further payments of subscriptions. Subscriptions to the International Monetary Fund are paid and held by the Central Banks of a number of member countries of the International Monetary Fund for their own accounts. This practice would have been adopted had it not been that when Malaysia joined the I.M.F., Bank Negara Malaysia was not yet established. Most countries consider it appropriate for their central banks to undertake their obligations to the I.M.F. as the central banks are normally custodians of their foreign exchange and currency reserves. In the same way Bank Negara which already holds the country's currency and foreign exchange reserves should properly take

over the holding of Malaysia's subscription to the I.M.F. which will then form part of Bank Negara's reserve of external assets.

Clause 2 (a) of the Bill also deletes the restriction in section 28 (3) of the Central Bank of Malaysia Ordinance, 1958, limiting Bank Negara's investments to securities maturing within 5 years. This will enable Bank Negara to invest in longer term securities if longer term securities provide a higher return. At the same time, clause 2 (a) also deletes the whole proviso to section 28 of the Central Bank of Malaysia Ordinance, 1958, to remove the restriction that Bank Negara cannot invest more than 30% of its reserve of external assets in foreign government securities. This will enable Bank Negara to hold foreign government securities exceeding 30% of its reserve of external assets if this, again, is advantageous to the Bank. The proportion the Bank will actually hold of foreign government securities will, of course, depend on the Bank's need for liquidity.

The other consequential amendment in clause 3 will enable Bank Negara to buy and to sell such other securities as may be approved by the Minister of Finance. Up to now, section 28 of the Central Bank of Malaysia Ordinance, 1958 provides that Bank Negara can only invest its reserve of external assets in gold, currency, bank balances, money at call in countries approved by the Minister of Finance, Treasury bills of governments approved by the Minister, bills of exchange drawn and payable at such places as approved by the Minister, securities of or guaranteed by such governments or international institutions as approved by the Minister. Section 28, therefore, limits the investment of Bank Negara's reserve of external assets to fixed interest securities based solely on traditional considerations of safety with the consequent result that returns are low and any inflation or currency devaluation is not offset by capital growth. The proposed amendment will allow Bank Negara a more flexible approach, including the power to invest in securities

of international corporations or institutions judged to be sound, so that not only will return on capital be maximised, but at the same time such investments have every possibility of capital appreciation over the years.

Sir, I beg to move.

Dato' Ganie Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 5 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

ATORAN URUSAN MESHUARAT (USUL)

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Sa-lepas sahaja Rang Undang² Central Bank of Malaysia (Amendment) Bill telah di-luluskan Majlis ini hendaklah menimbangkan Rang Undang² The Sabah Ports Authority (Consequential Provisions) (Amendment) Bill.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Sa-lepas sahaja Rang Undang² Central Bank of Malaysia (Amendment) Bill telah di-luluskan Majlis ini hendaklah menimbangkan Rang Undang² The Sabah Ports Authority (Consequential Provisions) (Amendment) Bill.

THE SABAH PORTS AUTHORITY (CONSEQUENTIAL PROVISIONS) (AMENDMENT) BILL

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon keizinan tuan supaya Rang Pindaan kapada Sekshen 16 Undang² Lembaga Pelabohan Sabah Bil. 25, 1968 di-bachakan kali yang kedua.

Di-dalam Dewan yang mulia ini pada 9hb Januari, 1969 sa-masa mengemukakan Undang² Lembaga Pelabohan Pindaan, 1969, saya dengan tidak senjaga telah membincangkan keperluan bagi memansohkkan Sekshen 16 dalam Undang² Lembaga Pelabohan Sabah peruntukan yang berkaitan No. 25, 1966. Saya menuntut ma'af atas kesilapan itu. Oleh yang demikian saya suka mengambil peluang ini untuk menerangkan ia-itu berhubung dengan Undang² Lembaga Pelabohan, 1963, pindaan-nya ia-lah berkenaan dengan Sekshen 13 yang bertujuan untuk membolehkan Lembaga Pelabohan Swettenham dengan kebenaran Menteri menubuhkan suatu Pasokan Keselamatan-nya sendiri bagi mengambil alih tugas² yang sekarang ini di-jalankan oleh Anggota² Polis di-Raja Malaysia.

Keputusan untuk menubuhkan satu pasokan keselamatan-nya sendiri telah di-buat oleh Lembaga itu sa-lepas berunding dengan Kementerian saya dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang berkenaan.

Berhubung dengan Undang² Lembaga Pelabohan Sabah peruntukan yang berkaitan No. 25 tahun 1968, Sekshen 16. Undang² tersebut memberi kuasa supaya kewajipan² polis dalam sa-suatu kawasan yang di-ishtiharkan sa-bagai sa-buah pelabohan di-bawah Enactment Pelabohan Sabah, No. 9 tahun 1967 bagi negeri Sabah hendaklah di-jalankan oleh polis pelabohan yang terdiri daripada Anggota² Polis di-Raja Malaysia. Akan tetapi pihak berkuasa polis tidak dapat mengadakan anggota² polis biasa bagi maksud itu dan oleh yang demikian telah mengatorkan supaya kewajipan² menjaga kawasan pelabohan di-serahkan-nya kapada Lembaga Pelabohan Sabah pada 1hb

Disember, 1968. Rang Undang² ini bermaksud hendak memansokkan Sekshen itu supaya jagaan polis bagi kawasan² pelabohan² di-bawah Lembaga Pelabohan² Sabah di-jalankan oleh perkhidmatan² lembaga yang di-beri kuasa polis di-bawah Undang² Polis Bilangan 41 tahun 1967.

Pasokan Polis yang berkekalan dengan sa-buah Lembaga Pelabohan mungkin dapat mencapai kecekapan yang lebih dengan kerana ahli² pasokan itu bekerja tetap dan memperoleh pengetahuan yang tertentu di-dalam masa-malah² polis berkaitan dengan pelabohan². Satu lagi faktor yang kerap kali memberi kesan kawalan polis yang baik dan lalin ia-lah perhubungan perusahaan di-antara pehak majikan dan pekerja² ia-itu pasokan polis-nya sendiri.

Pada masa meshuarat yang di-adakan pada 18hb Disember, 1968, Jema'ah Menteri telah meluluskan supaya Rang Pindaan Undang² ini di-kemukakan di-dalam persidangan Parlimen yang bermula pada 9hb Januari, 1969 dan juga bersetuju supaya pindaan Rang Undang² ini di-bachakan di-semua peringkat dalam persidangan ini. Untuk membolehkan Pasokan Polis kepunyaan Lembaga Pelabohan Sabah di-beri kuasa² polis di-bawah Undang² Polis Bilangan 41 tahun 1967 maka perlu-lah Sekshen 16, Undang² Lembaga Pelabohan Sabah Bilangan 25 tahun 1968 di-batalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang di-katakan oleh Menteri yang berkenaan bahawa perkara ini pernah pun di-perchakapkan dalam Dewan ini dan kita pada beberapa masa yang baharu ini telah kita berchakap berkenaan dengan polis yang bekerja atau pun yang di-ambil terus di-bawah pehak yang berkuasa pelabohan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana hari itu, pada hari ini saya tidak bersetuju dengan chara pengambilan polis

yang sa-macham ini. Saya lebih suka kalau Pegawai² Polis atau pun apa juga pengawal di-pelabohan itu di-ambil terus daripada regular police tetapi orang² ini di-beri latihan supaya kita ada satu bahagian di-dalam Polis Depôt, latihan berkenaan dengan pelabohan. Untong-nya bagini, Tuan Yang di-Pertua, walau pun Yang Berhormat Menteri mengatakan pegawai² polis yang sa-macham ini akan lebih cekap bekerja kerana mereka itu bekerja tetap di-pelabohan dan mereka itu di-bayar gaji oleh majikan, atau pun pehak pelabohan sendiri, tetapi apa salah-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau Pegawai² Polis itu di-beri latihan yang tertentu berkenaan dengan pelabohan dan mereka itu mendapat latihan biasa di-dalam Polis Depôt sendiri.

Pegawai Polis, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja sa-kadar hendak menjaga benda² yang kesalahan, tetapi appearance atau pandangan diri polis itu sendiri pun hendak-lah mempunyai tarekan juga dan mereka itu akan lebih cekap menjalankan kerja. Ada pun kita bawakan di-bawah kuat-kuasa pelabohan boleh jadi pegawai² ini hanya dapat menjalankan tugas, tetapi dari segi physical dan segi police appearance, kita tidak boleh dapat latihan² yang sa-macham itu. Saya lebih suka kalau latihan ini di-adakan di-depôt sendiri dan di-adakan satu bahagian. Dengan demikian bererti Polis Negara kita menerima perkembangan, atau pun expansion dari segi latihan daripada satu masa ka-satu masa. Ini ada-lah lebih baik daripada apa yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit lagi saya hendak berchakap ia-itu kalau-lah kita mengadakan polis ini di-Sabah sahaja, saya fikir ada baik-nya kita adakan polis di-kesemua pelabohan supaya sama kedudukan-nya. Kalau sa-mata² Sabah itu mempunyai satu kedudukan, saya harap pula Kerajaan akan mengemukakan pula di-Sarawak, mithal-nya Kuching Port Authority. Kalau kita hendak mengadakan di-Sabah sahaja, di-Sarawak tidak ada,—saya rasa Polis di-bawah Federal—dan patut-lah di-samakan. Dan saya tidak

nampak di-mana jalan-nya patut di-adakan di-satu negeri dan di-satu negeri lain tidak.

Tuan Yang di-Pertua, menyambong lagi ucapan saya ini, saya minta-lah pertimbangan itu daripada Menteri yang berkenaan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu saya ucapkan terima kasih. Yang sa-benarnya segala yang di-chakapkan oleh beliau itu-lah juga tujuan daripada Jawatan-kuasa yang akan berunding dengan pihak polis supaya disiplin—police training dan juga latihan berkenaan dengan specialization berhubung dengan pelabohan.

Tentang Sarawak dan pelabohan² lain dia, lagi ada permohonan kepada saya lagi kerana dalam Negeri Sabah dan Sarawak, pelabohan itu ada-lah dalam kuasa Kerajaan Negeri, tetapi kalau mereka memohon, saya akan bawa perkara² itu kepada Dewan ini dan sokong-lah nanti apabila sampai pada waktu-nya. Terima kasih.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan; di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE HIRE PURCHASE (AMENDMENT) BILL

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tan Sri Dr Lim Swee Aun) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I beg to move

that a Bill intituled "The Hire Purchase (Amendment) Bill, 1969" be read a second time.

Honourable Members will recall that the Hire Purchase Act, 1967, and the Hire Purchase (Amendment) Act, 1968, which were passed by this House in January and March 1967 and 1968 respectively, came into force on the 11th of April, 1968. Approximately 5 months after its implementation, I invited the public and other interested parties including the Finance, Insurance and Trade Associations and the Chambers of Commerce to submit their views and the difficulties encountered by them during the course of the implementation of the provisions of the Act.

In the light of representations made by the public and other interested parties, the Drafting Committee of the Hire Purchase Act, 1967, has reviewed the existing provisions as contained in the said Act and has found it desirable that certain sections of the Act be amended, while new sub-sections be incorporated, in order to clarify existing provisions, speed up the administrative machinery as well as to enhance the overall effectiveness of the Act. For example the existing provisions of the Hire Purchase Act, 1967 enable an hirer to ask for any number of free copies of the memorandum or note of the agreement at any time before final payment is made and it is mandatory on the part of the owner to comply with such requests. The amendment to sections 4 and 8 of the Act as set out in Clause 3 and 4 of this Bill are to ensure that hirers do not make unnecessary requests for copies of the memorandum or note of the agreement at any time before the final payment is effected, with the exception that one free copy may be supplied by the owner. Any additional copies requested by the hirer would be supplied only on the payment of a fee to be prescribed by the Minister of Commerce and Industry.

The existing section 21 of the Hire Purchase Act empowers Magistrates only to attest the signature of the guarantor to the hire-purchase agreement. It is probably inconvenient not

only for members of the public but also for Magistrates to have the agreement executed in the presence of a Magistrate only. The present amendment seeks to ease the problem by empowering a Commissioner for Oaths or a Notary Public to attest such signatures.

Another important amendment is that pertaining to section 36 of the existing Act. The amendment will ensure that owners are able to trace the whereabouts of the hirer as well as the goods. It makes clear to the hirer of the effect of, and the consequences of, not informing the owner about the new address to which the goods comprised in the hire-purchase agreement have been removed from the specified address.

As for the remaining clauses, they are only introduced to clarify the existing provisions of the Hire Purchase Act.

Mr Speaker, Sir, I beg to move.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 10 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE COPYRIGHT BILL, 1969

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Dr Lim Swee Aun (dengan izin): Sir, I beg to move that "The

Copyright Bill, 1969" be read a second time.

The legislation relating to the copyright of this country at present comprises the Federated Malay States Copyright Enactment, which is applicable to the former Federated Malay States, the United Kingdom Copyright Act of 1911 as extended to the former Straits Settlements, and the United Kingdom Copyright Act of 1956 as extended to the States of Sabah and Sarawak, while in the former Unfederated Malay States, there is no copyright law in operation.

This present Bill is, therefore, being introduced in order to consolidate all the existing legislation to provide a uniform copyright law for the whole of Malaysia. The Bill is also intended to be an improvement on the proposed Copyright Bill of 1967 which Honourable Members may remember was published in the Government *Gazette* of June, 1967, and public comments were invited thereon. After taking into consideration the views and representations received, the new Bill now before the House is one which is considered to reflect the present trends prevailing in developing countries with regard to the concept of national and international copyright protection, while at the same time containing specific provisions to meet Malaysia's needs.

As Honourable Members may be aware, the prime purpose of copyright law is to protect creative and intellectual works so that authors, composers and artists may, during the continuance of copyright protection, control the uses to which their works are put and obtain commensurate financial return for the exploitation of their works. Without copyright protection, there will not only be no incentive for authors and artists to create and hence contribute to the intellectual and cultural enrichment of the country, but also there will be no encouragement for the establishment of recording and publishing industries. On the other hand, it is also necessary to have regard to those who use rather than create copyright material, such as the broadcasting, television and other entertainment industries. Their operations depend

largely on being able to use copyright material which should be obtainable from copyright owners on reasonable terms. The law must also make certain exceptions to copyright protection, when the works are used in what is known as "fair dealings", that is, when copyright works are used for the purpose of education, research, criticisms and review and many other legitimate purposes which will not affect the interest of copyright owners.

The present Bill, therefore, seeks to provide all these basic fundamentals and the provisions couched in simple terms are directed towards national interests with the main emphasis on providing protection on works produced by Malaysian citizens or those originating from this country. Protection is conferred on the basis of Malaysian citizenship, permanent residence and first publication in Malaysia. But provisions have been included in the proposed Act for the extension of copyright protection at the discretion of the Minister, to citizens of any foreign country or countries or for Malaysia's accession to any of the international conventions of copyright or for making arrangements for reciprocal protection of copyright works with any country or countries. The Government will, of course, consider establishing these international relations with any foreign country or countries as may be found desirable under this provision. In common with most countries, and particularly advantageous to a developing country like Malaysia for its cultural, educational and scientific advancement, provisions have been made in the Bill for exceptions to protection of copyright works when used in research and education, for right of translation into the National language and for encouragement on the growth of local publishing and recording industries.

The Bill also gives due regard to technological development in the fields of sound recordings and radio and television broadcasts for which adequate protections have been provided. The Bill, however, does not provide for registration of copyright works. Since copyright is conferred automatically

under the law of original works, it is considered that registration would be superfluous.

This Bill, when enacted, will not only serve a long felt need of Malaysian writers, composers, and artists to provide adequate protection for their works but would also serve to curb any tendency in piracy of books and other publications produced by Malaysian authors and publishers.

Having regard to the objectives of the Bill and in the interests of the public, I hope Honourable Members will give this Bill their full support.

Dato' Ganie Gilong: Saya menyokong.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² Hak Cipta yang telah di-bentangkan di-Dewan ini—dan saya perchaya dengan ada-nya Undang² Hak Cipta ini—akan dapat menjamin kepunyaan Hak Cipta dan akan menambahkan dan menjadi dorongan kepada Hak Cipta menunjukkan bakat²-nya masing² kerana di-dalam zaman kemajuan telah banyak membawa pembaharuan para artis kesenian tempatan kita telah ma'ulum mereka ini kesemua-nya merupakan satu kelompok masyarakat yang berkembang di-masyarakat tanah ayer kita. Dengan ada-nya pehak² penyiaran yang tertentu dan melalui mass media seperti Radio, Talivishen, wayang gambar, buku² serta surat² khabar hasil chiptaan mereka ini telah dapat berkembang dengan pesat-nya namun begitu kedudukan hak chipta² seni ini tidak berapa terjamin kerana ketiadaan sa-barang undang² untuk mempertahankan karya² mereka daripada di-tiru, atau di-rampas oleh orang² lain. Perkara tiru-meniru ini, ini-lah yang merupakan ancaman besar kepada pengarang dan juga lain² penchiptaan seni. Tetapi kesan² sa-rupa ini tidak dapat berterusan terus menerus dewasa ini melainkan manakala pehak Kerajaan telah mengambil tindakan berkesan untuk menghapuskan perbuatan² yang tidak bertanggung-jawab.

Jadi satu Rang Undang² Hak Cipta telah pun di-bentuk di-mana karya² kesenian dan penggubah-nya akan

dapat di-beri perlindungan. Ini berarti masa depan perjuangan para² artis dan kesenian akan lebeh terjamin. Rang Undang² Hak Chipta ini merupakan satu inspirasi dan galakan kepada mereka yang berbakat seni untuk lebeh giat berkechimpong di-medan kesusasteraan. Tegas-nya harapan besar yang di-beri oleh Kerajaan ini akan dapat di-pertinggi dan di-perluaskan lagi bidang kesenian dan kesusasteraan tanah ayer kita.

Dengan ini kami ada-lah menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada pehak Kerajaan dan mudah²an dengan lahir-nya dorongan dan peratoran² di-dalam Rang Undang² ini Hak Chipta akan memberi peluang besar kepada ra'ayat untuk bersama² mempertahankan nilai dan mutu kesenian kebudayaan serta kesusteraan kita yang menchari kebanggaan negara Malaysia, sa-kali pun perhatian sa-rupa ini sewajar telah lama di-titek-beratkan oleh Kerajaan tetapi peluang ini maseh belum terlambat untuk penggubah² seni berbakti di-dalam kesenian dan dengan ini kami berharap dengan ada-nya Rang Undang² ini dapat bergerak dan berjalan dengan tegas dan di-samping itu kami ada-lah memberikan sa-penoh² sokongan kepada Rang Undang² Hak Chipta ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang² ini dengan penoh, tetapi ada beberapa perkara yang saya suka hendak berchakap. Pada asas-nya, Tuan Yang di-Pertua, sudah sa-patut-nya-lah Undang² Hak Chipta ini sudah lama kita kemukakan oleh kerana hak Undang² Chiptaan yang sa-macham ini telah pun terjamin di-dalam Piagam Hak Asasi Manusia yang telah di-ishtiharkan pada 10hb Disember, 1948 di-Paris dalam Persidangan Bangsa² Bersatu ia-itu Bab yang ka-27 yang berbunyi:

"Sa-tiap orang berhak untuk turut serta sa-chara bebas dalam kehidupan, kebudayaan dari masharakat untuk merasakan kesenangan dalam kesenian serta untuk mendapat bahagian dalam kemajuan ilmu dan hasil²-nya".

"(B) sa-tiap orang berhak akan perlindungan atas kepentingan² kesusilaan dan kebendaan-nya yang merupakan hasil perbuatan ilmiah kesusasteraan dan kesenian apa pun jua yang ia sendiri menjadi chipta-nya".

Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya Rang Undang² ini apabila kita luluskan, maka akan ramai-lah ahli² seni sama ada angkatan pelukis, atau pun angkatan sasterawan akan berlumba² melahirkan chiptaan² mereka itu. Pada masa² yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, hasil² karya yang sa-macham ini tidak mendapat perlindungan; ada orang² yang hidup dengan hasil² karya-nya dan pendapat-nya itu amat-lah sedikit, yang untong-nya ia-lah publishers² atau pun orang² yang menchetak. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat hendak menyalahkan juga pehak² yang menerbit, tetapi kita dapat salahkan perkara ini kepada Kerajaan negara kita sendiri. Boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini kita lakukan sa-telah ada desakan² yang berat, tetapi saya suka menceritakan kepada Tuan Yang di-Pertua, saya pernah hidup dengan hasil karya ini sa-lama tiga tahun dan saya tahu sa-jauh mana penderitaan yang penchipta² dan penulis² ini, terkadang² itu, Tuan Yang di-Pertua, kita mendapat 10 per cent daripada apa yang kita tulis apabila di-chetak, tetapi kita tidak tahu berapa banyak hasil² karya kita itu di-chetak dan sudah berapa kali; yang kita apa hanya sa-takat 3 ribu naskhah mithal-nya kita dapat 10 per cent dan daripada situ kita dapat dalam 300 copy buku-nya, atau pun kita menunggu wang-nya dan tidak ada jalan kita hendak menuntut ke'adilan daripada mahkamah oleh kerana tidak ada undang² chiptaan kita kemukakan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya rasa amat penting kita bahathkan ia-itu mentafsirkan beberapa perkataan yang akan menjadi hak bagi kita di-dalam Hak Undang² Chiptaan ini, mithal-nya Clause yang 4 yang kita katakan terta'alok kepada peruntokan² sekshen ini karya² yang berikut ada-lah layak mendapat Hak Chipta: A—karya sastera; B—karya muzik; C—karya seni dan sampai akhir-nya. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, karya² yang kita ini kita tentukan pula validity atau pun masa lama-nya, mithal-nya karya sastera kita bagian masa 25 tahun dan sa-lepas itu kita katakan sudah boleh di-jadikan hak sa-siapa pun. Tuan Yang di-Pertua,

25 tahun ini kalau pandang kepada angka tahun, dan pandang kepada masa orang yang hendak menchiptakan itu terkadang² memakan sampai 10 tahun, dia maseh belum dapat hendak mengemukakan

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini, jikalau sa-kira-nya dia lihat di-bawa sadikit 25 tahun sa-lepas the author is dead—25 years after death of the author.

Tuan Yang di-Pertua: Nampak-nya, Ahli Yang Berhormat hendak berchakap panjang lagi. Masa sudah chukup. Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Persidangan di-tanggohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Meshuarat*)

THE COPYRIGHT BILL

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, menyambong ucapan saya tengah hari tadi, saya hanya ada beberapa perkara sahaja yang saya hendak sebutkan ia-itu berkenaan dengan tempoh bagi Hak Chipta yang di-beri oleh Rang Undang² ini. Tuan Yang di-Pertua, bagi karya sastera muzik atau pun seni kita memberi tempoh Hak Chipta itu 25 tahun sa-lepas pengarang atau pun penchipta itu telah meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah satu masa yang panjang, tetapi mestilah kita fikirkan bahawa ada penchipta² atau pun pengarang² yang bekerja membuat satu² novel atau pun satu² chiptaan yang memakan masa sampai 17 tahun, sampai 20 tahun. Jadi terkadang² itu masa dia sakit baharu kita hendak chetak chiptaan-nya itu. Jadi saya rasa patut-lah masa bagi karya sastera ini tidak termasuk muzik supaya sastera sahaja kita beri masa yang

lebih banyak lagi tempoh ini. Saya lebih suka satu generation ia-itu satu umur manusia 50 tahun—saya suka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan ini ada beberapa karya² yang baik yang saya bacha boleh tahan sampai lebih dua tiga kurun. Jadi tidak patut-lah usaha yang sa-macham itu kita hanya bagi tempoh dalam 25 tahun, mithal-nya kita katakan ajaran Sun Yet Sun, sudah berkurun² dan kalau kita berikan tempoh 25 tahun sahaja tentulah sa-siapa juga akan mengatakan ini ajaran Lim Swee Aun mithal-nya, sebab itu masa sudah habis 25 tahun, pada hal karya² yang sa-macham ini 50 tahun itu pun boleh di-katakan chukup chepat masa-nya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang hendak menentukan pemindahan Hak Chipta, sebab mithal-nya chiptaan, mithal-nya satu orang telah mengarang sa-buah buku mempunyai pendapat-nya, kita beri masa 20 tahun atau pun 25 tahun, dalam tempoh itu ada sa-orang pengarang yang lain yang otak-nya tidak kurang daripada penchipta itu sendiri, tetapi dia pandai, dia modify, dia ubah sana, ubah sini, sa-hingga chiptaan itu sa-olah² menjadi chiptaan yang baharu. Jadi di-mana-kah neracha-nya, Tuan Yang di-Pertua, yang kita hendak katakan orang ini telah memindahkan karya itu sa-hingga luput menjadi model yang baharu, di-mana-kah criterion-nya atau pun neracha yang dapat kita timbangkan? Ini tidak di-sebut di-sini. Jadi kita serahkan kepada satu pehak yang ketiga—mahkamah-kah, Jawatan-kuasa Kechil-kah, atau pun apa² badan-kah dan badan ini akan menimbang sama ada chiptaan ini chiptaan yang di-sadorkan, atau pun yang di-tiru sa-hingga menjadi rekaan baharu.

Saya tidak nampak ada peruntukan atau pun provision di-dalam Rang Undang² ini. Ini ada-lah satu chachat atau pun defect dalam kita membuat Rang Undang². Tuan Yang di-Pertua, saya suka undang² ketat dan lebih luas oleh kerana hal ini kena-mengena dengan hak asasi manusia. Di-dalam negara kita sudah 10 tahun lebih kita merdeka, kita telah bagitu giat bekerja membuat Rang Undang² berkenaan

dengan Income Tax, dan bermacam² lagi undang², tetapi perkara² yang abstract atau pun perkara² yang kena mengena dengan hasil otak manusia langsung kita tidak fikirkan hanya baharu ini sahaja yang kita fikirkan. Ada pun undang² yang kena mengena dengan Hak Chipta pada zaman² yang lalu seperti yang di-adakan bagi Negeri² Bersekutu dan Negeri² Selat kita pakai undang² British yang sudah lama yang kalau kita ikut undang² ini sa-mata² menengah kita daripada meniru copy yang sa-benar, tetapi dari segi kita meminda tidak pun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu oleh kerana Undang² sendiri, Rang Undang² ini sendiri, mengaku bahawa kita akan ikut tempat mana² yang patut ia-itu butir² yang di-pakai di-dalam Berne Convention dan begitu juga di-dalam Universal Copy Right Convention. Saya minta Kerajaan menimbang ia-itu bagi penchipta² yang bukan citizen yang hanya permanent resident dalam negeri ini kita kenakan tempoh² chiptaan ini mengikut undang² yang di-buat di-negeri-nya. Mithal-nya saya bukan warganegara Malaysia, saya duduk di-sini dan saya sa-orang pengarang dan saya boleh memberi satu chiptaan. Di-negeri saya Undang² Hak Chipta ini menyebut bahawa kalau orang itu bukan warganegara tempoh² yang di-beri-nya 15 tahun maka kita pun membuat mengikut negeri yang pengarang itu berada, kita di-sini. Kita mengambil tindakan balas yang sama atau pun reciprocal action dalam perkara ini, ini tidak di-sebutkan di-sini.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, dan terakhir sa-kali saya lebih suka kalau-lah Kerajaan ini mahu bertolak ansor. Saya hormat penoh undang² ini, tetapi saya suka kalau kita serahkan kepada Select Committee, sebab, Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang baharu yang kita kemukakan dalam Dewan ini tentu-lah kita tidak boleh fikir dalam masa sa-bulan, atau pun dua bulan, atau pun dengan melalui surat khabar sa-mata² patut-nya Rang Undang² yang sa-macam ini satu tahun di-beri supaya ahli² yang minat di-dalam sastera dan begitu bagini dapat memberi fikiran-nya sa-kurang²-

nya satu tahun kita membahathkan dalam surat khabar, membuat chera-mah² dan di-masa itu baharu-lah kita mengubal Rang Undang² yang kita kemukakan dalam Dewan ini, bukan macham kita minta Supplementary Supply untuk hendak membelanja jalan rural development begitu bagini. Ini kena mengena watak dan, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini banyak orang tidak mahu berchakap, saya rasa, tetapi kalau Rang Undang² mempotograpkan Member² Parlimen pagi tadi, tidak ada siapa yang ada absent sa-kali pun, semua orang masok, dan ini, Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan kita mengemukakan dengan tidak memberi tempoh yang chukup, saya rasa Rang Undang² ini akan kita menghadapi pindaan² yang lebih banyak daripada kita mengadakan pindaan daripada satu masa ka-satu masa apabila kita tersua dengan kesilapan, lebih baik kita bagi tempoh yang chukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan-lah sa-orang ahli sastra dan sa-orang pengarang, tetapi kalau saya maseh panjang umur lagi saya tidak mati sama ada saya menjadi Ahli dalam Dewan ini atau pun tidak saya akan turut sama membincangkan Rang Undang² ini supaya kita dapat satu Rang Undang² yang elok.

Tuan Yang di-Pertua, walau atas apa hal sa-kali pun saya menguchapkan ribuan terima kaseh bagi pehak diri saya sendiri dan bagi pehak pengarang² yang pernah berkawan dengan saya oleh kerana sudah 10 tahun kami menunggu Hak Chipta ini tidak pun di-buatkan undang²-nya dan saya harap perkara² yang mengenai hak asasi manusia ini dapat kita kemukakan sabagaimana Social Security Act yang akan datang. Ini kesemua-nya menambah lagi negara kita baik, walau pun di-bawa oleh Kerajaan Perikatan, Kerajaan parti lawan saya, tetapi benda yang baik itu, kita kata baik, dan benda yang burok tidak payah di-sebut sebab mereka itu terlampau banyak sangat burok.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang

Undang² Hak Cipta² ini dan saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dengan daya usaha-nya untuk membentangkan satu Rang Undang² yang di-tunggu² dan saya perchaya manakala Rang Undang² ini di-luluskan maka di-sambut dengan baik-nya oleh pehak² yang berkenaan.

Saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Hak Cipta ini chuma di-tentukan kapada beberapa bahagian sahaja ia-itu yang mengenai muzik, seni wayang gambar, rakaman bunyi dan juga siaran². Saya berharap untuk hendak memberi galakan kapada bakat² baharu dengan usaha tenaga mereka itu boleh mengeluarkan karya² yang bermutu pehak Kerajaan patut-lah mengeluarkan hadiah khas kapada penchipta² yang telah pun berjaya menchiptakan satu² karya² yang menarek atau yang bermutu, yang bernilai. Dengan chara yang sa-macham ini saya perchaya banyak lagi kita boleh dapati di-antara orang² kita yang berkebolehan supaya mereka ini berusaha dalam lapangan yang di-tentukan di-sini.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, manakala Rang Undang² ini di-luluskan saya berharap kapada Yang Berhormat Menteri supaya membentangkan satu Rang Undang² lagi yang saya perchaya boleh mendatangkan lebeh berfaedah dan berguna kapada negara kita ia-itu satu Rang Undang² hak pereka atau pun invented copyright. Jadi, dalam negara kita ini sunggo pun maseh muda kita ada beberapa orang yang berkebolehan ia-itu di-antara-nya ahli² sains, ahli² kimia, doktor dan ahli² pakar pertanian dan sa-kira-nya kita ada satu Rang Undang² Inventers Act in atau copyright, maka dapat di-beri galakan kapada ahli² untuk membuat rekaan di-atas apa yang mereka fikir boleh mendatangkan faedah kapada negara dan boleh di-gunakan dengan sa-luas-nya oleh warganegara kita dan dapat benda itu kita buat di-sini dan kita boleh export ka-luar negeri sa-lain daripada kita gunakan dalam negara ini.

Saya perchaya banyak bahan² dalam negara kita ini yang boleh di-antara

orang² yang berkebolehan itu membuat rekaan supaya boleh jadi satu barang yang berguna kapada kita. Saya mithalkan satu benda ia-itu batang getah. Baharu² ini kita dapat tahu batang getah boleh di-jadikan kayu arang dan saya bacha dalam surat khabar satu perbuatan yang telah pun dapat di-buat ia-itu boleh di-jadikan kertas yang bermutu yang mana batang getah ini sudah pun di-export ka-negeri Jepun dengan kapal, ahli² sains di-Jepun telah pun membuat rekaan dengan batang getah ini dan mereka telah dapati ia-itu boleh di-jadikan kertas yang baik. Jadi, dengan chontoh yang sa-macham ini dapat-lah ahli² sains kita dan orang² yang berkebolehan—yang berminat, berusaha bagi membuat rekaan² mithalnya minyak kelapa sawit boleh jadi minyak pelichin jentera atau minyak apa² yang boleh berguna dalam negara kita ini. Dengan chara yang sa-macham ini boleh kita dapat beberapa orang yang boleh buat rekaan sendiri. Kita sangat miskin berkenaan dengan pereka² di-dalam negara kita daripada warganegara kita sendiri jikalau kita bandingkan dengan orang² di-negara² di-barat yang mana negeri-nya sejak mereka tiga bulan tidak keluar daripada rumah, mereka membuat rekaan² yang boleh mendatangkan kegunaan yang besar.

